

## MINGGU 02

# FALSAFAH DAN PENYUCIAN JIWA PENERANGAN RINGKAS IBADAT HAJI DAN UMRAH




*Hadirku sebagai Dhuyufurrahman  
Kembaliku dengan kemaburuan*

MINGGU  
02

FALSAFAH DAN PENYUCIAN JIWA

## TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

لَبَدَىَ اللَّهُمَّ لَبَدَىَ لَبَدَىَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَدَىَ  
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ



HambaMu datang menyahut panggilanMu ya Allah.  
HambaMu datang menyahut panggilanMu.  
HambaMu datang menyahut panggilanMu.  
Tuhan yang tiada sekutu bagiMu.  
HambaMu datang menyahut panggilanMu.  
Sesungguhnya segala puji dan nikmat dan kerajaan  
adalah kepunyaanMu, tiada sekutu bagiMu.

## OBJEKTIF PEMBELAJARAN

- 1 Membantu jemaah dalam memahami hikmah dan juga falsafah Haji.
- 2 Membantu jemaah memahami adab sebelum menunaikan Haji serta cara penyucian jiwa.
- 3 Mengingatkan jemaah supaya menjauhi amalan syirik, khurafat dan bid'ah.
- 4 Memberi pengenalan yang jelas berkaitan Haji, umrah dan kelebihannya.
- 5 Membantu jemaah memahami konsep soleh dan musleh.



# KANDUNGAN

01

**Talbiah dan Pengertiannya**

02

**Hikmah dan Falsafah Haji**

03

**Adab Sebelum Menunaikan Haji dan Umrah**

04

**Penerangan ringkas ibadat Haji dan Umrah**

05

**Syarat wajib Haji: Berkemampuan (Istito'ah)**

06

**Pengertian Haji mabrur dan panduannya**

07

**Penyucian Jiwa**

08

**Soleh dan Musleh****TABUNG HAJI**  
جِنَاحٌ عَلَى النَّسَاجِ

# TALBIAH: LAFAZ & MAKNA

Allah menyeru dalam Surah Ali-Imran (ayat 97)

Manusia menyambut

Allah menjawab/ menyambut

“Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah haji (dengan) mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepada-Nya”

Hamba-Mu datang, menyahut panggilan-Mu,  
ya allah, hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu.  
Hambamu datang menyahut panggilan-Mu,  
Tuhan yang tidak ada sekutu bagi-Mu,  
Hamba-Mu datang menyahut panggilan-Mu,  
sesungguhnya segala pujian,  
Nikmat dan pemerintahan adalah kepunyaan-Mu,  
tidak ada sekutu bagi-Mu

Seruan kamu diterima dan bahagialah kamu, bekalan kamu itu halal, kenderaan/tunggangan kamu halal dan haji kamu haji mabrur. Tidak ditolak

Tidak diterima seruan-mu dan tidak ada kebahagiaan bagi kamu, bekalan kamu haram, perbelanjaan kamu haram dan haji kamu ditolak, tidak ada pahala dan tidak ada ganjaran bagi mu

Aku hampir dengan-mu, dekat dan jelas, minta apa sahaja,  
Aku dekat dengan mu dari urat halkum

Jika niat yang ikhlas dan bekalan yang halal


Jika niat tidak ikhlas dan bekalan haram



MINGGU  
**02**

FALSAFAH DAN PENYUCIAN JIWA

# HIKMAH DAN FALSAFAH HAJI



**TABUNG HAJI**  
حی على النجاح



Tabung Haji



[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)



+603-6207 1919

## ADAB SEBELUM MENUNAIKAN IBADAT HAJI/UMRAH

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابِ

Katakanlah: "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran.

[Surah Az-Zumar: 9]

**Hadir Kursus Haji adalah bukti pengorbanan dan jihad untuk mempertingkatkan ilmu.**

## ADAB SEBELUM MENUNAIKAN IBADAT HAJI/UMRAH

Niat yang ikhlas mencari keredhaan Allah

وَمَا أَمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا أَللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الْدِينَ حُنْفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا  
الزَّكُوَةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ



“Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadanya, lagi tetap teguh di atas tauhid dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah agama yang benar.

(Surah al-Baiyinah: Ayat 5)

## ADAB SEBELUM MENUNAIKAN IBADAT HAJI/UMRAH

- Niat yang ikhlas mencari keredhaan Allah
- Bertaubat bersungguh-sungguh (Taubat Nasuha)
- Perbelanjaan yang halal
- Membawa bekalan dan perbelanjaan yang mencukupi
- Mencari teman bertujuan saling ingat-mengingati dan membantu
- Banyakkan doa dan zikir dalam kehidupan harian
- Membuat wasiat
- Memohon dan memberi kemaafan serta berlapang dada dengan semua orang
- Menyuci hati dengan sifat-sifat mahmudah (terpuji) dan menghindari sifat-sifat mazmumah (tercela)
- Istiqamah dan bersungguh-sungguh mempelajari kaifiyat mengerjakan haji atau umrah



# CONTOH SIFAT TERPUJI (MAHMUDAH)

- ◆ Taubat nasuha
- ◆ Ingat Allah
- ◆ Amanah
- ◆ Sabar
- ◆ Syukur
- ◆ Ikhlas
- ◆ Redha
- ◆ Rajin
- ◆ Pemurah
- ◆ Berjimat cermat

- ◆ Bertimbang rasa
- ◆ Penyayang/pemaaf
- ◆ Tolong menolong
- ◆ Menepati janji/masa
- ◆ Bertanggungjawab
- ◆ Berjihad dan berdikari
- ◆ Istiqamah
- ◆ Sentiasa bercakap benar
- ◆ Sentiasa menjaga kebersihan
- ◆ Lemah lembut



# CONTOH SIFAT TERCELA (MAZMUMAH)

- ▶ Melupakan Allah S.W.T
- ▶ Melupakan Nabi S.A.W
- ▶ Mencaci para Sahabat
- ▶ Terlalu cinta dunia
- ▶ Penting diri sendiri
- ▶ Pemarah
- ▶ Takbur/sombong
- ▶ Riak/ujub/bongkak
- ▶ Membazir/boros
- ▶ Pembohong
- ▶ Bertelagah
- ▶ Mengumpat
- ▶ Mencela/memaki
- ▶ Kedekut
- ▶ Pengotor
- ▶ Hasad/dengki
- ▶ Khianat & berdendam
- ▶ Perbuatan & perkataan lagha (sia-sia)
- ▶ Buruk sangka



# MENJAUHI AMALAN SYIRIK, KHURAFAT & BID'AH

AMALAN	MOTIF
<b>Mengambil kelambu Ka'bah</b>	<b>Sebagai pelaris jualan dan menganggap ia satu keberkatan</b>
<b>Kain putih sebagai alas solat</b>	<b>Dibawa balik untuk dijadikan kain kafan kononnya meringankan seksa kubur</b>
<b>Peluk tiang jin di Masjidil Haram</b>	<b>Melanjutkan umur dan meminta kaya</b>
<b>Bergantung di kelambu Ka'bah</b>	<b>Memohon hajat daripada Ka'bah bukannya daripada Allah S.W.T</b>



# MENJAUHI AMALAN SYIRIK, KHURAFAT & BID'AH

## AMALAN

**Meletakkan duit di bawah kelambu Ka'bah**

## MOTIF

**Selepas tawaf duit tersebut diambil balik untuk dijadikan ibu duit sebagai pelaris.**

**Ketika berangkat ke Tanah Suci, ditinggalkan kertas bertulis kalimah syahadah kepada ahli keluarga, dan dibawa tulisan Muhammadurrasulullah ke Tanah Suci**

**Supaya jemaah haji tidak meninggal dunia di Tanah Suci.**

# MENJAUHI AMALAN SYIRIK, KHURAFAT & BID'AH

AMALAN	MOTIF
<b>Memakai tangkal dan azimat</b>	<b>Untuk menjauhi bala dan mengharapkan selamat.</b>
<b>Memanggil bomoh untuk menolak bala di rumah</b>	<b>Percaya bomoh untuk memulakan perjalanan, membawa air 7 telaga untuk dibawa tawaf untuk dijadikan ubat.</b>
<b>Pengijazahan haji</b>	<b>Mendapatkan sijil daripada Syeikh di Makkah yang mengesahkan hajinya dan menukar nama.</b>



# MENJAUHI AMALAN SYIRIK, KHURAFAT & BID'AH

## AMALAN

**Menyapu dan mengusap pintu Masjid al-Haramain**

## MOTIF

**Untuk mendapat keberkatan.**

**Membawa air zamzam atau kismis / kurma / duit semasa tawaf**

**Untuk dijadikan ubat atau penawar dan duit tersebut dijadikan ibu duit.**

# MENJAUHI AMALAN SYIRIK, KHURAFAT & BID'AH

## AMALAN

Segala amalan yang bercanggah dengan syariat Islam seperti saka, sihir hendaklah ditinggalkan

## MOTIF

Sebarang perbuatan khurafat hendaklah dijauhi sebelum, semasa dan selepas melakukan ibadat haji dan umrah.



TABUNG HAJI  
حی على النجاح



Tabung Haji



[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)



+603-6207 1919

## PERKARA YANG MEMBATALKAN SYAHADAH

- 1 MempersekuTukan Allah S.W.T dalam ibadat.**
- 2 Menjadikan sesuatu sebagai perantara antara dirinya dengan Allah S.W.T.**
- 3 Mengamalkan perkara syirik, saka, sihir dan santau.**
- 4 Menganggap dan berkeyakinan bahawa ajaran agama lain sama atau lebih sempurna daripada Islam.**
- 5 Membenci sesuatu yang telah ditetapkan oleh Rasulullah S.A.W sebagai syari'at Baginda.**



## PERKARA YANG MEMBATALKAN SYAHADAH

- 6 Mempermainkan Allah S.W.T atau kitab-Nya atau sesuatu yang merupakan ajaran agama-Nya.**
- 7 Mempercayai dan beramal dengan sihir/bersahabat dengan jin.**
- 8 Membantu dan menolong orang-orang musyrik untuk memerangi kaum muslimin.**
- 9 Berkeyakinan bahawa sebahagian manusia dibolehkan untuk tidak mengikut syari'at Nabi Muhammad S.A.W.**
- 10 Berpaling daripada agama Allah S.W.T atau daripada perkara yang menjadi syarat mutlak sebagai Muslim.**




# PENERANGAN RINGKAS IBADAT HAJI DAN UMRAH

## PENGERTIAN HAJI & UMRAH

### HAJI

Haji ialah mengunjungi Baitullah Al-Haram (Ka'bah) di Makkah pada bulan-bulan Haji untuk mengerjakan ibadat-ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.



### UMRAH

Umrah ialah mengunjungi Baitullah Al-Haram (Ka'bah) di Makkah pada bila-bila masa untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya.



## DALIL WAJIB HAJI

١٧

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ

“Dan Allah S.W.T mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepada-Nya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah S.W.T Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk”.

Surah Ali Imran : Ayat 97

وَأَتِمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

“Dan tunaikanlah haji dan umrah kerana Allah S.W.T”.

Surah Al-Baqarah : Ayat 196



TABUNG HAJI  
جِنْدِيلِ النَّفَلَاج



Tabung Haji



[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)



+603-6207 1919

# SYARAT WAJIB HAJI & UMRAH

1  
**ISLAM**

Tidak wajib bagi  
yang bukan Islam

2  
**BALIGH**

Tidak wajib bagi  
yang belum baligh

3  
**BERAKAL**

Tidak wajib bagi  
yang tidak siuman

Tidak wajib ke atas  
hamba

4  
**MERDEKA**

Tidak wajib ke atas  
mereka yang tidak  
mampu

5  
**ISTITO'AH**



# BERKEMAMPUAN (ISTITO'AH)

## BERKEMAMPUAN (ISTITO'AH) DENGAN SENDIRI



Ada tambang  
pergi/balik



Ada bekalan/  
nafkah



Ada kenderaan  
pergi/balik



Terpilih dalam  
kuota Haji

Aman dalam  
perjalanan  
pergi/balik



Sihat tubuh  
badan



Berkesempatan  
masa

Syarat tambahan bagi wanita:

- Dengan izin suami
- Ditemani oleh suami/mahram/perempuan yang dipercayai (thiqah)

MINGGU  
**02**

FALSAFAH DAN PENYUCIAN JIWA

## BERKEMAMPUAN (ISTITO'AH)

### BERKEMAMPUAN (ISTITO'AH) DENGAN DIBADALKAN OLEH ORANG LAIN

Mengupah badal Haji untuk:

**Yang telah  
meninggal dunia  
yang berupaya  
semasa hayatnya**



**Sakit yang tiada  
harapan sembah**

**Terlalu tua dan  
uzur tidak dapat  
mengerjakan  
sendiri**



**TABUNG HAJI**  
جى عل النحال



Tabung Haji



[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)




+603-6207 1919

MINGGU  
**02**

FALSAFAH DAN PENYUCIAN JIWA

# MAHRAM BAGI SEORANG PEREMPUAN



TABUNG HAJI  
جى على الخلاص



Tabung Haji



[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)



+603-6207 1919

MINGGU  
**02**

FALSAFAH DAN PENYUCIAN JIWA

# RUKUN HAJI & WAJIB HAJI

## RUKUN HAJI

<b>01</b>	<b>Niat ihram Haji</b>
<b>02</b>	<b>Wuquf</b>
<b>03</b>	<b>Tawaf</b>
<b>04</b>	<b>Sa'ie</b>
<b>05</b>	<b>Bergunting/bercukur</b>
<b>06</b>	<b>Tertib pada kebanyakan rukun</b>

## WAJIB HAJI

<b>01</b>	<b>Niat di Miqat</b>
<b>02</b>	<b>Larangan ihram</b>
<b>03</b>	<b>Bermalam (Mabit) di Muzdalifah</b>
<b>04</b>	<b>Melontar Jamrah Kubra pada 10 Zuhijjah</b>
<b>05</b>	<b>Bermalam (Mabit) di Mina 11,12 &amp;13 Zulhijjah</b>
<b>06</b>	<b>Melontar Ketiga-tiga Jamrah pada 11,12 &amp;13 Zulhijjah</b>



**TABUNG HAJI**  
جى عل النحال


# PERBEZAAN ANTARA RUKUN HAJI & UMRAH

## RUKUN HAJI

Niat ihram Haji



Wuquf di 'Arafah



Tawaf

Sa'ie

Bergunting/bercukur

Tertib pada  
kebanyakan rukun



## RUKUN UMRAH

Niat ihram umrah

Tawaf

Sa'ie

Bergunting/bercukur

Tertib pada  
semua rukun



MINGGU  
**02**

FALSAFAH DAN PENYUCIAN JIWA

## PERBEZAAN ANTARA WAJIB HAJI & UMRAH

### WAJIB HAJI

Niat di Miqat

Larangan ihram

Bermalam (Mabit)  
di Muzdalifah

Melontar Jamrah Kubra  
pada 10 Zuhijjah

Bermalam (Mabit) di Mina  
11,12 &13 Zulhijjah

Melontar ketiga-tiga Jamrah  
pada 11,12 &13 Zulhijjah

### WAJIB UMRAH

Niat di Miqat

Larangan ihram



**TABUNG HAJI**  
جى عل النحال



Tabung Haji



[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)



+603-6207 1919

## KELEBIHAN HAJI DAN UMRAH

- 1 Menjadi Tetamu Allah S.W.T (Dhuyufurrahman)**
- 2 Mendapat ganjaran yang besar.**
- 3 Selamat daripada kecelakaan seksaan sebagai Yahudi dan Nasrani.**
- 4 Mendapat syafaat di dalam doa keampunan Rasullullah S.A.W.**
- 5 Bersih seperti bayi yang baru dilahirkan.**
- 6 Antara jihad yang paling utama.**
- 7 Haji Mabrur yang tiada balasan melainkan Syurga.**




MINGGU  
**02**

FALSAFAH DAN PENYUCIAN JIWA

## HAJI ADALAH JIHAD

**“Daripada Aishah R.A berkata kepada Rasulullah S.A.W bahawa kami percaya bahawa jihad itu adalah amalan yang paling utama, mengapa kami tidak berjihad, maka sabda Rasulullah S.A.W bagi kamu sebaik-baik jihad itulah Haji Mabrur.”**  
[Riwayat al-Bukhary (1520)]



**TABUNG HAJI**  
جىء على النساج



Tabung Haji



[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)



+603-6207 1919

## MANFAAT



### DUNIAWI



Pertemuan orang Islam seluruh dunia



Menunjukkan persamaan di kalangan orang Islam



Kepentingan perniagaan dan ekonomi

Mendapat Haji mabrur dan keredhaan Allah

Mendapat ganjaran pahala melihat Ka'bah

Mendapat pujian Allah S.W.T di hadapan malaikat

Melatih diri supaya mengikhlaskan amalan hanya kerana Allah S.W.T

Kem latihan penumpuan kepada ibadat

Kem latihan membentuk keperibadian muslim

### UKHRAWI

Latihan supaya bersedia untuk meninggalkan alam dunia



TABUNG HAJI  
جِنَاحٌ لِلْحَجَّاجِ



Tabung Haji



[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)



+603-6207 1919

## SEJARAH RINGKAS HAJI RASULULLAH S.A.W

Pada tahun ke-6 Hijrah, Rasullullah S.A.W mengerjakan umrah dengan disertai oleh 1,500 orang para sahabat namun demikian rombongan ini tertahan di Hudaibiyah

Pada tahun ke-10 Hijrah, Rasulullah S.A.W telah mengisyiharkan untuk menunaikan fardhu haji

Haji tersebut dikenali sebagai Haji Islam, Haji Akbar & Haji Wada'

- Haji telah diwajibkan pada tahun ke-9 Hijrah
- 
- Pada tahun ke-7 Hijrah, mereka membuat Umrah Qada'
- 
- Pada 25 Zulkaedah tahun 10 Hijrah, Rasulullah S.A.W dengan isteri-isteri Baginda telah memulakan perjalanan dan diikuti oleh 120,000 orang para sahabat
- 



# TINGKATAN IBADAT HAJI

1

## Haji Mabrur

Haji yang paling tinggi dan istimewa, diampun segala dosanya, mengekalkan ibadat hingga akhir hayat dan dijamin masuk syurga

2

## Haji Makhsus

Haji yang sah dan diampunkan segala dosa-dosanya

3

## Haji Maqbul

Haji diterima

4

## Haji Mardud

Haji yang tidak diterima kerana kekurangan syarat-syarat dan rukunnya atau sebab-sebab yang lain



MINGGU  
**02**

FALSAFAH DAN PENYUCIAN JIWA

## PENGERTIAN HAJI MABRUR

### Haji Mabrur

**Haji istimewa  
dan balasannya  
ialah syurga**

### Haji Mardud

**Haji yang  
ditolak dan  
tidak diterima**

Sabda Rasulullah S.A.W,

**“Haji mabrur itu, tidak ada balasan baginya melainkan syurga.”**

- Hadis Riwayat Bukhary dan Muslim



**TABUNG HAJI**  
جنيه على الفلاح



Tabung Haji



[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)



+603-6207 1919


# PANDUAN MENDAPAT HAJI MABRUR

1

## SEBELUM MENUNAIKAN HAJI

- ◆ Niat ikhlas kerana Allah S.W.T
- ◆ Mempersiapkan diri dengan ilmu manasik haji dan wang secukupnya dari sumber yang halal dan mengeluarkan zakat
- ◆ Melakukan Rukun Islam dengan sempurna

**Elakkan gurau senda yang melampau dan percakapan yang sia-sia (lagha)**



2

## SEMASA MENUNAIKAN HAJI

- ◆ Menyempurnakan rukun dan wajib haji dengan betul
- ◆ Membayar dam yang berkaitan dan tinggal larangan ihram
- ◆ Tidak melakukan sifat mazmumah, keji, fusuq, jidal, rafath

3

## SELEPAS MENUNAIKAN HAJI

- ◆ Menjauhkan diri dari dosa dan perkara mungkar
- ◆ Membanyakkan amal soleh untuk meningkatkan iman dan ketakwaan
- ◆ Memperbaiki diri ke arah yang lebih sempurna dari segi akhlak, membentuk diri, keluarga dan masyarakat secara berterusan

**TABUNG HAJI**  
جاري على النسخة

Tabung Haji


[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

+603-6207 1919

# PENYUCIAN JIWA (TAZKIYYAH AL-NAFS)

Aqidah yang jelas dan sahih serta pelaksanaan syariah yang tepat

Tunaikan solat fardhu lima (5) waktu




Menguasai ilmu dan kefahaman Islam

Amalkan tuntutan sunat seperti:

- Qiamullail /solat sunat taubat
- Sedekah (harta/tenaga/lisan)
- Banyakkan berdoa dan berzikir
- Banyakkan amal kebajikan
- Banyakkan membaca al-Quran

# Apakah yang dimaksudkan dengan Soleh dan Musleh?



**Soleh** bererti orang yang baik iaitu hamba Allah yang taat melakukan apa yang diperintahkan oleh-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.

Musleh bererti orang yang menyeru atau mengajak orang lain melakukan kebaikan iaitu mentaati Allah s.w.t.



TABUNG HAJI  
جِنَاحُ النَّعْلَاجِ



[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)



+603-6207 1919

## KENAPA PERLU SOLEH DAN MUSLEH?

01

Perintah Allah dalam al-Quran sepetimana nasihat Luqman Al Hakim kepada anaknya.

02

Mengikuti sunnah Rasulullah S.A.W berdakwah (menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran).

03

Seorang penyeru kebaikan lebih dicintai Allah daripada ribuan orang baik.

04

Allah menjaga ummah ini melalui orang Musleh;

وَمَا كَانَ رَبُّكَ لِيُهْلِكَ الْقُرَىٰ بِظُلْمٍ وَأَهْلُهَا مُصْلَحُونَ

Dan Tuhanmu tidak sekali-kali hendak membinasakan mana-mana negeri dengan sebab kezaliman penduduknya, selagi mereka sentiasa memperbaiki keadaan sesama sendiri. (Surah Hud: Ayat 117)



# CIRI-CIRI SOLEH DAN MUSLEH

لَيْسُوا سَوَاءٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَبِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ يَتَلَوَنَ إِيمَانَهُمْ أَنَّهُمْ أَلَّا يَلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ  
يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَيُسَرِّعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّابِرِينَ

١١٣

١١٤

Mereka itu tidak sama. Di antara ahli kitab itu, ada golongan yang berlaku lurus, mereka membacakan ayat-ayat Allah pada beberapa waktu di malam hari, sedang mereka juga bersujud. Mereka beriman kepada Allah di hari penghabisan. Mereka menyeru yang makruf dan mencegah yang mungkar dan bersegera kepada (mengerjakan) berbagai kebajikan. Mereka itu termasuk orang-orang soleh." - (Ali Imran: Ayat 113-114)

01

Beriman dengan Allah & hari Akhirat

02

Tetap teguh istiqamah di atas keimanan & kebenaran

03

Solat malam & membaca al-Quran

04

Amar ma'ruf nahi mungkar

05

Bersegera melakukan kebaikan



TABUNG HAJI  
حی على الناصح



Tabung Haji



[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)



+603-6207 1919

MINGGU  
02

FALSAFAH DAN PENYUCIAN JIWA

## DOA MOHON HAJI YANG MABRUR



اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ حِجَّاً مَبْرُوراً وَذَنْبًا مَغْفُوراً  
وَسَعِيًّا مَشْكُوراً وَعَمَلاً صَالِحًا مَقْبُولاً وَتِجَارَةً لَنْ تَبُور

Ya Allah, Ya Tuhan kami kurniakanlah haji yang mabrur dan ampunkanlah dosa-dosa hamba dan pekerjaan haji yang dipuji, amalan soleh yang diterima dan perniagaan yang tidak merugikan.



TABUNG HAJI  
جِنْدِيلِ النَّفَلَاج



Tabung Haji



[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)



+603-6207 1919

## KESIMPULAN

- 1 Manasik haji adalah kemuncak rukun-rukun Islam yang perlu kepada pengetahuan yang mencukupi untuk memperoleh haji mabru.
- 2 Haji hanya wajib bagi golongan yang berkemampuan (istito'ah) dari segi kesihatan, kewangan, keamanan dan kebenaran / kuota.
- 3 Menjauhi perkara syirik, bid'ah dan khurafat dalam menunaikan ibadat haji.
- 4 Sifat-sifat Mahmudah (terpuji) adalah hasil daripada ibadat yang diterima oleh Allah S.W.T.
- 5 Setelah menunaikan haji diharap jemaah haji akan menjadi kumpulan masyarakat yang soleh dan musleh.





# Belajar Haji kini lebih mudah secara dalam talian!

Muat turun aplikasi e-Bimbingan Haji melalui:




## ADAB SEBELUM MENUNAIKAN HAJI

- ▶ Niat yang ikhlas mencari keredhaan Allah S.W.T
- ▶ Belajar bersungguh-sungguh untuk menunaikan ibadat haji
- ▶ Bertaubat (Taubat Nasuha)

Mencari perbelanjaan yang halal

Membawa bekalan yang mencukupi



TABUNG HAJI  
جى على النحال



Tabung Haji




[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)



+603-6207 1919



# Belajar Haji kini lebih mudah secara dalam talian! e-Bimbingan Haji



- 01 **Pilih**  
Login kali pertama?
- 02 **Klik**  
Butang Hantar
- 03 **Klik**  
Butang Kemaskini
- 04 **Pilih**  
Selamat Datang  
Email atau No Pendaftaran Haji/PEKTA  
Kata Laluan

Muat turun aplikasi e-Bimbingan Haji melalui:



TABUNG HAJI  
جنيه على الخلاص



Tabung Haji



[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)



+603-6207 1919

*Semoga Semua Bakal Jemaah Haji Yang Dikasihi*

*Diberikan Oleh Allah S.W.T*

*Kesabaran & Ketenangan*

*Serta Didoakan Mendapat Sebaik-baik*

*Ganjaran*

*Haji & Umrah Yang Mabrur*



**TABUNG HAJI**  
جِنْدِلِ النَّفَلَاج



Tabung Haji



[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)



+603-6207 1919